

Kelantan perlu ada pembangkang – PM

U.M. - 7 AUG 1991

ALUR SETAR 6 Ogos – Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, Dewan Undangan Negeri Kelantan perlu mempunyai pembangkang untuk menegur kerajaan negeri.

Perdana Menteri mengingatkan, ketiadaan pembangkang merupakan satu keadaan yang tidak sihat kerana kemungkinan berlakunya penyelewengan adalah besar.

“Kerajaan Negeri Kelantan adalah satu-satunya kerajaan yang tidak mempunyai pembangkang. Keadaan itu boleh menyebabkan anggota Dewan Undangan Negeri tidak akan menegur kerajaan,” tegasnya kepada para pemberita selepas majlis Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah Kolej Sultan Abdul Hamid, di sini.

Menurut Perdana Menteri, orang yang baik sekalipun jika tidak ditegur, lama-lama akan melakukan perbuatan yang salah.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pas dan Semangat 46 di Kelantan sekarang berada dalam ketakutan

untuk menegur apa yang dilakukan oleh pucuk pimpinan kerajaan negeri.

“Mereka tidak berani menegur jika ada perkara tidak betul dilakukan oleh kerajaan negeri atau ber-

LIHAT MUKA 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

PERLU ADA PEMBANGKANG

buat sesuatu yang tidak disukai oleh pucuk pimpinan kerana takut akan disingkir dari parti dan lantas gugur sebagai wakil rakyat.”

Atas hakikat itu, tegas Dato' Sri Dr. Mahathir, adalah perlu pembangkang berada di dalam kerajaan negeri untuk melaksanakan peranan menegur seperti yang terdapat dalam Kerajaan Pusat dan lain-lain kerajaan negeri.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan tidak menolak kemungkinan Barisan Nasional menggunakan isu perlunya pembangkang di Kelantan sebagai isu kempennya dalam pilihanraya kecil Limbongan dan Sungai Pinang pada 24 Ogos ini.

“Kita tidak boleh membentuk kerajaan melalui pilihanraya kecil itu tetapi kita anggap amat perlu sekali orang yang membangkang ada dalam Dewan Undangan Negeri,” katanya.

Ditanya tentang calon Barisan Nasional bagi pilihanraya kecil itu, Perdana Menteri menjelaskan, prinsip-prinsip asas pemilihan calon telah ditentukan.

Bagaimanapun, tambah beliau, calon yang akan bertanding belum ditentukan dan akan diumumkan kelak.

Ditanya kemungkinan Haji Wan Mohamad Najib dan Haji Nordin Salleh dipilih semula, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata:

“Mungkin ada pengundi yang tidak menyokong mereka lagi dan pengikut Pas sudah tentu tidak menyokong mereka. Bagaimanapun UMNO berpegang kepada prinsip keikhlasan dan tidak memungkir janji.”

Mengenai peluang UMNO memenangi pilihanraya kecil itu, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, “kemungkinan menang ada, bagaimanapun kita akui, pada umumnya ramai rakyat Kelantan tidak begitu senang dengan UMNO.”

Bagaimanapun Perdana Menteri yakin, satu hari nanti rakyat Kelantan akan mengkaji semula pendirian mereka.

Beliau berkata, UMNO akan terus membuktikan keikhlasan untuk membela rakyat Kelantan dengan memastikan pembangunan di negeri itu seimbang dari segi kebendaan dan akhirat.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, pilihanraya kecil itu akan menentukan sama ada beberapa rombakan yang dilakukan ke atas UMNO Kelantan sebelum ini berkesan atau sebaliknya.

Menjawab pertanyaan tentang kemungkinan pendaftaran MIC akan dibatalkan oleh oleh Pendaftaran Pertubuhan kerana pembatalan mesyuarat agung tahunannya sejak 1989, Perdana Menteri berkata, soal tersebut adalah masalah undang-undang dan beliau percaya MIC akan dapat menyelesaikannya.